

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/08/2017D

Ditekan, dinafikan hak dan dipinggirkan ketika era Dr. Mahathir

Rakyat Kelantan menderit

Um- 27/8/2017 pg. 14

Oleh ZAAIN ZIN
pengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 26 OGOS

RAKYAT menderit bukan kerana kegagalan Kerajaan Pas Kelantan mentadbir negeri ini sebagaimana didakwa Tun Dr. Mahathir Mohamad, sebaliknya kerana tekanan oleh Kerajaan Pusat ketika era pemerintahan bekas Perdana Menteri itu.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, Dr. Mahathir mungkin sudah lupa, namun rakyat Kelantan tidak pernah lupa bagaimana beliau menganiayal negeri ini hanya kerana mereka menyokong Pas.

Katanya, antara pengalaman perit negeri ini sepanjang Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri termasuklah ditekan, dinafikan hak dan dipinggirkan dalam pelbagai aspek berbanding negeri-negeri lain.

"Dr. Mahathir lupa rakyat menderit lebih banyak semasa beliau menjadi Perdana Menteri, iaitu selepas kerajaan negeri berubah daripada UMNO kepada Pas.

"Selama lebih 20 tahun, beliau bagi banyak tekanan kepada Kelantan. Sekarang beliau nak kata mahu dapatkan kembali mandat dari rakyat Kelantan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.



AHMAD YAKOB (lapan dari kanan) bersama penerima-penerima anugerah dalam Majlis Perasmian Hari Koperasi Peringkat Negeri Kelantan di pekarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, Kota Bharu, Kelantan, semalam. Turut kelihatan Mustapha Mohamed (enam dari kanan) dan Hamzah Zainudin (tujuh dari kiri). - BERNAMA

Ketika melancarkan Pakatan Harapan Kelantan semalam, Dr. Mahathir menyifatkan Kerajaan Pas Kelantan gagal mentadbir negeri ini dengan baik meskipun telah diberi peluang memerintah sejak 27 tahun lalu.

Ditanya laporan *Straits Times* Singapura mengenai konspirasi pakatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam PRU-14, Takiyuddin menafikan wujudnya kerjasama seumpama itu.

"Kalau setakat buat cerita tanpa asas, siapa pun boleh buat.

Saya minta mereka yang membuat dakwaan tersebut mengemukakan bukti dan hujah menyokong perkara itu," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berharap kerjasama lebih kukuh dapat dijalin di antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan agar nasib rakyat negeri itu terus terbelas.

Ahmad berkata, ia selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah negara yang maju menjelang 2020.

"Kita akan berusaha untuk meningkatkan kerjasama di anta-

ra kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk sama-sama membantu rakyat Kelantan," katanya ketika berucap merasmikan Hari Koperasi Negara 2017 Peringkat Negeri Kelantan di pekarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.